

# UMS lakar

## pencapaian

# membanggakan

DE 21.2016 3

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus maju ke hadapan apabila melonjak 72 anak tangga untuk tersenarai pada kedudukan ke-173 ranking terbaik dunia dalam penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2015.

Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, lonjakan itu merupakan yang tertinggi berbanding ranking pada tahun sebelumnya di kedudukan 245 terbaik dunia.

“Pencapaian itu merupakan satu kebanggaan bagi warga UMS yang kini dalam landasan yang tepat ke arah mencapai pelbagai lagi kecemerlangan pada masa akan datang,” ujarnya ketika mengulas mengenai pencapaian itu.

Menurutnya, UMS dilihat mampu meningkatkan lagi ranking berkenaan berdasarkan usaha-usaha yang giat dijalankan khususnya dalam aktiviti berkaitan dengan kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitar.

“Pelbagai aktiviti mesra alam sekitar yang kita laksanakan seperti penggunaan tenaga yang cekap serta peningkatan fasiliti dan penggunaan basikal di kampus selain pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran dan penyelidikan.

“Penubuhan Pusat Kitar Semula di dalam kampus selain bakal mempraktikkan konsep Ecofarm juga sangat diyakini akan menjadi kekuatan untuk universiti meningkat lebih jauh dalam penarafan ranking pada tahun ini,” tambah Datuk Harun.

Penarafan UI-GreenMetric World University Ranking 2015 yang diumumkan baru-baru ini disertai 407 universiti daripada 66 negara berbanding 360 daripada 62 negara pada tahun lalu.

Ia menyaksikan UMS berada pada ranking ketujuh bagi Universiti Awam dan swasta di Malaysia dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) berada pada kedudukan ranking pertama.

Penarafan kelestarian alam sekitar yang mengukur komitmen setiap universiti dalam membangunkan infrastruktur mesra persekitaran mempunyai lebih daripada 40 indikator yang meliputi 6 skop utama iaitu infrastruktur (15 peratus), tenaga dan perubahan cuaca (21 peratus), sisa buangan (18 peratus), air (10 peratus); pengangkutan (18 peratus) dan pendidikan (18 peratus).